

25/08/1997

Ekuestrian: Keupayaan Malaysia dapat pengiktirafan antarabangsa

Kamal Ahmad

KEUPAYAAN Malaysia dalam sukan ekuestrian mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila dipilih menjadi tuan rumah Kejohanan Jemputan Show-Jumping Antarabangsa 1998, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kejohanan itu membuktikan peserta dan kemudahan sukan kita sudah mencapai taraf dunia," kata Perdana Menteri ketika menghadiri majlis menandatangani perjanjian penajaan RM500,000 oleh Ibex Corporation Amalgamated Sdn Bhd dengan Persatuan Ekuestrian Malaysia (EAM) di ibu negara semalam.

Perdana Menteri berkata, sukan menunggang kuda berkembang pesat dan semakin mendapat perhatian masyarakat tempatan kebelakangan ini.

Cek itu diserahkan Presiden Ibex, Datuk Yahya Jalil kepada Presiden EAM, Tan Sri Musa Hitam. Tahun lalu, syarikat itu menyumbang RM100,000 kepada persatuan berkenaan untuk membiayai kos pentadbiran dan program memajukan sukan itu.

Melalui perjanjian itu, Ibex akan menyumbang RM100,000 setahun bagi tempoh lima tahun, termasuk merancang persediaan mengambil bahagian dalam Sukan Asia di Bangkok, tahun depan.

Dr Mahathir berkata, kejohanan antarabangsa itu dijangka berlangsung pada 7 dan 8 Februari depan membabitkan kos RM2 juta. Sehubungan itu, sektor korporat serta individu disaran menyumbang untuk tujuan berkenaan.

Selain itu, dia berkata, sukan menunggang kuda perlu dipopularkan di kalangan anak muda sebagai kegiatan sihat, sekali gus menghindarkan mereka daripada terjebak dengan gejala lepak atau membuang masa di kompleks beli belah.

Menurutnya, dia diperkenalkan dengan sukan itu 12 tahun lalu apabila dihadiahkan dua kuda oleh pemimpin Pakistan ketika itu, Presiden Zia-ul-haq.

(END)